

# UMS jalin kerjasama dengan

## tiga syarikat swasta

WB 28.5.14 A8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi menandatangani satu surat hasrat bersama tiga syarikat swasta bagi menjalin kerjasama dalam penyelidikan dan pendidikan.

Persefahaman yang dimeterai antara Tropical Rainforest Conservation & Research Centre Bhd, G & G Management Consultant Sdn Bhd dan Sabahpuri Nursery SBH itu dijangka memberikan pulangan faedah kepada semua pihak.

Pengerusi Sambutan Hari Perhutanan Sedunia 2014 Dr Berhaman Ahmad (gambar) berkata, Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) UMS mempunyai kepakaran yang diperlukan namun memerlukan tempat yang sesuai bagi tujuan penyelidikan.

"Justeru menerusi jalinan kerjasama ini, pihak terbabit mampu menyediakan kawasan (playground) yang sesuai untuk pelajar kita menjalani latihan industri mereka di samping menjalankan kajian terhadap tumbuh-tumbuhan."

"Saya percaya ini juga mampu memberikan manfaat kepada pihak yang terlibat kerana kita mempunyai kemahiran dan kepakaran yang diperlukan," katanya ketika ditemui pada sambutan Hari Perhutanan Sedunia UMS, di sini kelmarin.

Sementara itu, Pengurus Besar Tropical Rainforest Conservation & Research Centre Othman Sulieman berkata, pihaknya mempunyai kawasan seluas 500 hektar yang akan menempatkan koleksi tumbuh-tumbuhan ataupun lebih dikenali sebagai 'Living Collection'.

Menurutnya, tumpuan akan diberikan kepada spesis tumbuh-tumbuhan yang semakin pupus dan jarang



ditemui.

"Justeru, kita memerlukan UMS kerana mereka mempunyai kepakaran untuk mengenal pasti tumbuh-tumbuhan seperti ini," katanya.

Othman berkata, pihaknya bukan sahaja menyediakan platform kepada pelajar selain kampus untuk menjalankan pelbagai program kesedaran dan penyelidikan tetapi juga sebagai ruang untuk mempromosi kepentingan hutan.

Tambahnya, Tropical Rainforest juga akan menjadi pusat pengumpulan benih tumbuh-tumbuhan terbabit di samping membekalkan benih, sample serta spesis tertentu yang diperlukan oleh pihak perhutanan.

Katanya, usaha itu juga mampu menyelamatkan semua spesis tumbuhan yang kian pupus sekiranya berlaku perkara tidak dingini seperti kebakaran hutan seperti yang berlaku di negara luar.

"Kita bimbang kejadian seumpama itu berlaku. Oleh sebab itu, kita mempunyai rancangan di luar jangkaan untuk tahun-tahun akan datang," katanya.

Dalam pada itu, syarikat G & G Management Consultant dan Sabahpuri Nursery SBH akan menawarkan platform kepada UMS dalam penyelidikan pokok Gaharu dan Sungkai.